

Peraturan
kepada
guru sudah
memadai

— CUEPACS
UM - 6 SEP 2007

KUALA LUMPUR 5 Sept. —
Kongres Kesatuan Pekerja-
Pekerja Di Dalam Perkhidma-
tan Awam (CUEPACS) hari
ini sekali lagi menegaskan
bahawa peraturan yang sedia
ada sudah mencukupi dan mem-
adai kepada guru dan semua
kakitangan awam.

Setiasaha Agungnya, Ab-
dul Rahman Manan berkata,
peraturan dan akta yang ada
sebelum ini seperti Perintah
Am dan peraturan tatatertib
1193 sudah cukup memperje-
laskan tanggungjawab dan pe-
neranan guru dan kakitangan
awam.

Yang ada sudah cukup, tak
perlu lah kita nak tandatang-
an kontrak satu lagi," katanya
kepada Utusan hari ini.

Beliau berkata demikian Be-
bagai mengulas kenyataan
Menteri di Jabatan Perdana
Menteri, Datuk Seri Dr. Rais
Yatim berhubung pelaksana-
an kontrak berkenaan dalam
masa terdekat.

Seinalam, Rats memberitahu
bahawa sampel akujanji telah
disediakan dan akan di-
serahkan kepada kabinet pa-
da minggu hadapan.

Kontrak

Sebelum ini, CUBPACS te-
lah menolak cadangan keraja-
an memperkenalkan kontrak
akujanji ini kerana kluatir
timbulnya rasa tidak puas ha-
ti di kalangan guru dan kaki-
tangan awam terhadap kera-
jaan.

Namun, begitu kata Abdul
Rahman, CUEPACS mengalu-
alukan pertemuan dengan
Perdana Menteri, Datuk Seri
Dr. Mahathir Mohamad yang
akan memperjelaskan ke-
baikan kontrak akujanji ini.

"Kita menyambut baik pela-
waan Dr. Mahathir untuk
menjelaskan kenapa kontrak
akujanji hendak dilaksana-
kan," katanya.

Dr. Mahathir pada 1 Sep-
tember lalu menyatakan has-
rat beliau untuk berbincang
dengan kesatuan yang mewa-
kili 800,000 kakitangan kera-
jaan itu berhubung isu kon-
trak akujanji.

"Kita akan berbincang dan
hasil pertemuan ini akan di-
bawa ke konvensyen CUE-
PACS Oktober ini," ujar Abdul
Rahman.

Konvensyen CUEPACS kali
ini dijangka akan menekan-
kan isu kontrak akujanji seba-
gai bahan perbincangan uta-
ma di kalangan perwaki-
lannya.

Konvensyen yang dijadual-
kan berlangsung dari 2 Okto-
ber hingga 4 Oktober akan di-
hadiri oleh semua perwakilan
CUEPACS dari seluruh nega-
ra.